



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/UPSM/027
Tarikh : 05 Januari 2024

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2024**

**PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD SEMPENA PESTA
KAAMATAN DAN HARI GAWAI**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan LGM Bilangan 11/2023 telah bersetuju meluluskan pemakaian Surat Edaran JPA.(S)800-1/1/7 Jld.3(16) bertarikh 22 Mei 2023: Penambahbaikan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai.
3. Pegawai dan pekhidmat seperti berikut dibenarkan untuk memohon Cuti Tanpa Rekod satu (1) hari untuk menyambut **Pesta Kaamatan** pada **30 Mei atau 31 Mei** setiap tahun:
 - (i) pegawai dan pekhidmat kelahiran Sabah atau Wilayah Persekutuan Labuan yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia; atau
 - (ii) pegawai dan pekhidmat berketurunan etnik* yang menyambut Pesta Kaamatan dan berkhidmat di Semenanjung Malaysia; atau
 - (iii) pegawai dan pekhidmat berketurunan etnik* yang menyambut Pesta Kaamatan dan berkhidmat di Sarawak.
4. Pegawai dan pekhidmat seperti berikut dibenarkan untuk memohon Cuti Tanpa Rekod satu (1) hari untuk menyambut **Hari Gawai** pada **1 Jun atau 2 Jun** setiap tahun:
 - (i) pegawai dan pekhidmat kelahiran Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia; atau
 - (ii) pegawai dan pekhidmat berketurunan etnik* yang menyambut Hari Gawai dan berkhidmat di Semenanjung Malaysia; atau
 - (iii) pegawai dan pekhidmat berketurunan etnik* yang menyambut Hari Gawai dan berkhidmat di Sabah atau Wilayah Persekutuan Labuan.

5. Bagi tujuan kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini, senarai etnik yang terlibat adalah seperti di jadual berikut:

Bil	Etnik*	
	Pesta Kaamatan	Hari Gawai
1	Kadazandusun/Dusun/Kadazan	Dayak
2	Orang Sungai	
3	Murut	
4	Idahan/Ida'an	
5	Momogun Rungus	
6	Lundayeh	
7	Bisaya	
8	Dusun Subpan	

**Pembuktian adalah berdasarkan maklumat profil pegawai/pekhidmat di HRMIS, Sijil Kelahiran atau dokumen berkaitan

6. Pegawai dan pekhidmat perlu memajukan Memo Permohonan Cuti Tanpa Rekod yang disokong oleh Ketua Unit kepada Unit Pembangunan Sumber Manusia untuk pertimbangan dan kelulusan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”

(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)

s.k Ketua Pengarah

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)

Pengarah – Pengarah Bahagian